

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7659961 (Talian Terus)
06 - 7659962 (Talian Terus)

No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (7)
Tarikh : 19 Disember 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN / PROJEK KERAJAAN TAHUN 2022 DAN 2023

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan **Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 - Kaedah Pelaksanaan Perolehan / Projek Kerajaan Tahun 2022 Dan 2023** adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 - Kaedah Pelaksanaan Perolehan / Projek Kerajaan Tahun 2022 Dan 2023 di mana terdapat beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha Kerajaan merancakkan aktiviti ekonomi agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat.

3. Sehubungan itu, selaras dengan Surat Edaran Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan bil.(1) dlm P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 bertarikh 8 Disember 2022, Pentadbiran ini bersetuju untuk menerima pakai pekeliling tersebut dengan beberapa **pindaan** seperti berikut:

- i. Kebenaran mempakejkan perolehan tahunan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan **pengecualian kepada perkara 3.3**;
- ii. **Had nilai sebut harga kekal sehingga RM500 ribu** sahaja di mana perolehan yang melebihi RM500 ribu hendaklah menggunakan kaedah perolehan secara tender seperti yang tertakluk dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2 – Tender Terbuka; dan
- iii. Pindaan Para 4.4 di mana semua jabatan bukan teknik hendaklah **mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik** bagi semua projek kerja selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 182.

4. Oleh yang demikian, Surat Edaran Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan bil.(5) dlm P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.7 bertarikh 6 Januari 2022 adalah **DIBATALKAN**.

5. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(**DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID**)